

**TEKS UCAPAN**  
**Y.B DATUK HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF**  
**MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA**  
**SEMPENA**  
**MAJLIS PERASMIAN SEKSYEN 3,**  
**LEBUHRAYA LEMBAH KLANG SELATAN**  
**PADA**  
**1 OKTOBER 2013**  
**PLAZA TOL PULAU INDAH**  
**LEBUHRAYA LEMBAH KLANG SELATAN**

---

Terima kasih saudara pengacara majlis

Y. Bhg. Datuk Himmat Singh  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Kerja Raya Malaysia

Y. Bhg. Tan Sri Rahmat bin Abu Bakar  
Pengerusi Eksekutif Kumpulan, SKVE Holdings Sdn. Bhd.

Y. Bhg. Dato' Syed Jamal B. Syed Jaafar  
Pengerusi  
Lembaga Lebuhraya Malaysia

Y.Bhg. Dato' Ir. Haji Ismail Bin Md. Salleh  
Ketua Pengarah  
Lembaga Lebuhraya Malaysia

Wakil-Wakil Media

Y.Bhg Tan Sri – Tan Sri, Dato’ – Dato’, Datin - Datin,Tuan-tuan dan  
Puan puan yang dihormati

Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera.

1. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan SKVE Holdings Sdn Bhd kerana sudi menjemput saya ke Majlis Perasmian Seksyen 3, Lebuhraya Lembah Klang Selatan atau lebih dikenali sebagai SKVE. Hari ini, majlis melakar satu lagi kejayaan kejayaan pelaksanaan dasar Kerjasama Awam Swasta (*Public – Private Partnership*).
2. Kita merasa amat bertuah dan bersyukur padaNya, kerana hari ini, terus diberikan kekuatan rohani dan jasmani serta ketajaman berfikir untuk terus menggerakkan agenda pembangunan dan kemajuan negara dan kesejahteraan rakyat Malaysia.

Para hadirin sekalian,

3. Kita juga amat bertuah kerana negara ini terus kekal makmur, sejahtera dengan pelbagai pembangunan. Ini termasuklah, pembangunan lebuh raya yang menjadi tunjang kepada proses pembangunan sosio-ekonomi. Pembangunan infrastruktur jalan raya dan lebuh raya merupakan antara penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan, selain membantu meningkatkan kualiti dan taraf hidup rakyat dan pelbagai kegiatan perdagangan dan ekonomi.

4. Justeru, pembinaan dan pembukaan rangkaian-rangkaian lebuh raya di negara ini merupakan satu keperluan dan elemen penting untuk menggerakkan nadi pembangunan ekonomi dan infrastruktur negara. Pembinaan jajaran lebuh raya yang kemas, serta efisyen yang digerakkan bersama oleh Kerajaan dan pihak swasta menerusi dasar Penswastaan, telah memberikan kesan ampuh dan jelas. Nyata, penglibatan pihak swasta telah banyak membantu Kerajaan memodenkan lagi infrastruktur negara terutamanya melalui pembinaan lebuh raya. Tidak boleh dinafikan, pembangunan lebuh raya memberi kesan berganda terhadap pelbagai program pembangunan harta tanah, perindustrian dan perbandaran. Jadi, secara tidak langsung, ia memberi kesan signifikan kepada masyarakat setempat. Sehingga kini, jumlah jarak keseluruhan rangkaian lebuh raya bertol di negara ini adalah sepanjang 1,852 kilometer.

Para hadirin sekalian,

5. Lebuhraya SKVE sepanjang 52.98KM ini menghubungkan Pusat Pentadbiran Kerajaan Putrajaya ke Pulau Indah dan juga menghubungkan kawasan perindustrian Pelabuhan Barat. Pembinaan dan pembukaan lebuh raya ini telah dibuat secara berperingkat iaitu Seksyen 1A dari Persimpangan UNITEN, Kajang ke Persimpangan SKVE dan Seksyen 1B dari Persimpangan SKVE ke Persimpangan Saujana Putra, masing-masing telah dibuka pada 19 Disember 2000 dan 29 Jun 2010. Seterusnya, Seksyen 2 dari Persimpangan SKVE Saujana Putra ke Persimpangan Teluk

Panglima Garang dibuka pada 29 Mei 2012, manakala pembukaan Seksyen 3 pada hari ini akan melengkapkan keseluruhan jajaran Lebuhraya SKVE. Lebuhraya SKVE ini menghubungkan rangkaian lebuh raya-lebuh raya lain seperti Lebuhraya Utara Selatan (PLUS), Lebuhraya Lingkaran Kajang (SILK), Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP) dan pada masa akan datang dengan Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (West Coast Expressway)

6. Dengan wujudnya jaringan-jaringan lebuh raya ini diharap pembukaan Seksyen 3 Lebuhraya SKVE akan menjadi pemangkin pembangunan sosio ekonomi di sekitar Lembah Klang Selatan meliputi kawasan sepanjang koridor lebuh raya iaitu Teluk Panglima Garang, Jenjarom, Pulau Carey, Pulau Indah, Pelabuhan Barat dan Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ). Kewujudan bandar-bandar baru dan pembangunan harta tanah komersial telah pun mula bertapak di sepanjang pinggiran dan jajaran lebuh raya ini sejak pembukaan Seksyen 1 lagi, ibarat cendawan yang tumbuh selepas hujan.

7. Pembukaan Seksyen 3, Lebuhraya SKVE akan memendekkan masa serta jarak perjalanan antara Putrajaya ke Pelabuhan Barat dari 1 jam 30 minit ke 45 minit dengan menggunakan laluan sedia ada.

Para hadirin sekalian,

8. Sesuatu yang unik bagi Seksyen 3 yang akan dibuka hari ini ialah, pembinaan sebuah jambatan sepanjang 1.67km yang

menghubungkan Pulau Carey dengan Pulau Indah. Jambatan ini dibina dengan reka bentuk ketinggian bersesuaian yang mampu menampung pelayaran kapal serta mengambil kira keperluan pembangunan industri perkapalan dan maritim di sekitar kawasan ini. Untuk makluman, Selat Lumut merupakan satu-satunya laluan yang membolehkan pembinaan marin menyusur keluar ke Selat Melaka, kerana laluan alternatif lain di Sungai Klang dan Sungai Langat tidak dapat menyediakan laluan bagi kapal-kapal dengan ketinggian melebihi 12 meter.

Para hadirin sekalian,

9. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan syarikat SKVE Holdings sdn. Bhd. serta semua agensi awam dan syarikat swasta yang terlibat dengan pembinaan projek lebuhraya ini dengan jayanya. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, sukacita saya ingin mengumumkan bahawa **SKVE Holdings Sdn. Bhd, syarikat konsesi bagi lebuh raya ini telah bersetuju untuk memberi laluan percuma tanpa kutipan tol selama satu (1) bulan bagi Seksyen 3 dari Persimpangan Teluk Panglima Garang ke Persimpangan Pulau Indah mulai 1 Oktober hingga 31 Oktober 2013.**

10. Akhir kata, saya berasa amat yakin bahawa projek lebuh raya baru di negara ini akan mencetuskan satu lagi evolusi baru dalam merancakkan lagi arus pembangunan negara dan seterusnya memberikan kemudahan infrastruktur terbaik yang melangkaui

ekspektasi rakyat. Saya berharap dengan kemudahan infrastruktur yang disediakan, pengguna lebuhraya akan sentiasa mematuhi peraturan-peraturan bagi menjamin keselamatan diri dan juga pengguna-pengguna yang lain. Dengan lafaz BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM, suacita saya merasmikan Seksyen 3, Lebuhraya Lembah Kelang Selatan yang dibuka kepada lalulintas pada hari ini.

**Sekian, terima kasih.**